

GARIS PANDUAN PERADUAN BERASASKAN HADIAH¹

Mohamad Zarifi bin Mohamad Daud²

PENDAHULUAN

Isu berkaitan penganjuran peraduan daripada perspektif syariah telah mula dibincangkan secara meluas oleh masyarakat pada tahun 2008. Isu ini menjadi perhatian masyarakat ekoran *trend* semasa yang telah memperlihatkan banyak pihak yang telah menganjurkan peraduan-peraduan yang menggunakan pelbagai medium contohnya melalui akhbar harian, stesen TV dan radio, khidmat sistem pesanan ringkas (SMS), panggilan telefon dan sebagainya. Lebih menghangatkan keadaan, peraduan-peraduan yang dianjurkan ada menawarkan hadiah lumayan kepada mana-mana pihak yang menyertai program tersebut. Bertitik tolak daripada penganjuran tersebut, masyarakat Islam telah memberikan respon yang pelbagai terutamanya daripada aspek hukum syarak.

Sehubungan itu, kertas ini akan membincangkan Garis Panduan Peraduan Berasaskan Hadiah dan penulis hanya menjadikan buku Garis Panduan Peraduan Berasaskan Hadiah yang telah diterbitkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebagai dokumen rujukan utama dalam penulisan kertas ini. Kertas ini tidak akan melebarkan skop perbincangan menjangkau dokumen tersebut.

SEJARAH PENYEDIAAN GARIS PANDUAN PERADUAN BERASASKAN HADIAH

Secara ringkasnya, hasrat penyediaan Garis Panduan Peraduan Berasaskan Hadiah ini telah mula dicetuskan oleh mantan Ketua Pengarah Jakim iaitu YBhg. Dato' Haji Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz setelah Mesyuarat Panel Kajian Syariah (PKS), Jakim yang telah bersidang pada 17 Jun 2008. Hasil mesyuarat tersebut, beliau yang ketika itu menjawat jawatan Ketua Pengarah Jakim telah mengarahkan

¹ Kertas kerja ini dibentangkan dalam Simposium Fiqh Muasirah anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) pada 10 Mei 2011 bertempat di Auditorium, Masjid Putra, Putrajaya.

² Penulis bertugas sebagai Penolong Pengarah. Seksyen Syariah, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Jakim dan boleh dihubungi melalui emel: mdzarifi@islam.gov.my

Bahagian Penyelidikan JAKIM untuk menyediakan sebuah garis panduan berkaitan kaedah penganjuran peraduan yang tidak bercanggah dengan hukum syarak.

Bertitik tolak daripada arahan tersebut, setelah melalui proses dan prosedur pentadbiran, akhirnya Garis Panduan Peraduan Berasaskan Hadiah telah diluluskan oleh Mesyuarat PKS, JAKIM dalam sidangnyanya kali ke- 64 pada 10-12 November 2008 dan seterusnya telah diperakukan oleh ahli-ahli Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dalam sidang kali ke- 84 pada 15 Disember 2008.

KANDUNGAN GARIS PANDUAN PERADUAN BERASAKAN HADIAH

Secara umumnya, kandungan Garis Panduan Peraduan Berasaskan Hadiah telah memberikan penumpuan kepada aspek-aspek seperti berikut:

- i. Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan
- ii. Kriteria-kriteria yang mesti dielakkan dalam penganjuran peraduan berasaskan hadiah
- iii. Panduan kepada peserta
- iv. Panduan kepada penganjur

KEPUTUSAN MUZAKARAH JAWATANKUASA FATWA KEBANGSAAN

Apabila disemak kepada perbincangan ahli-ahli Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, Ashabus Samahah ahli-ahli Muzakarah pernah membincangkan isu berkaitan peraduan kuiz melalui sistem pesanan ringkas (SMS) dan telah bersetuju untuk memutuskan keputusan berikut³:

“Peraduan kuiz melalui Sistem Pesanan Ringkas (SMS) dan seumpamanya adalah mengandungi unsur-unsur eksploitasi, kesamaran (tidak jelas), pertaruhan dan nasib yang tergolong dalam pengertian judi. Dari itu, hukum peraduan kuiz tersebut adalah haram di sisi syarak”

³ Keputusan Muzakarah Kali Ke- 64, pada 27 Julai 2004

Walaupun bagaimanapun, menyedari akan keperluan untuk memberikan panduan kepada masyarakat khususnya bagaimanakah kaedah untuk menganjurkan peraduan patuh syariah kerana peraduan dan pertandingan itu secara umumnya hukumnya adalah harus, maka Jakim mengorak langkah dengan mengambil inisiatif untuk melaksanakan pembangunan sebuah garis panduan penganjuran peraduan yang menepati prinsip dan pawai syariah.

KRITERIA-KRITERIA YANG MESTI DIELAKKAN DALAM PENGANJURAN PERADUAN BERASASKAN HADIAH

Berdasarkan kepada Garis Panduan Peraduan Berasaskan Hadiah, terdapat 5 kriteria asas yang mesti dielakkan dalam penganjuran peraduan yang menawarkan apa jua bentuk hadiah. Kriteria asas ini amatlah penting untuk dielakkan bagi memastikan sebarang pertandingan mahupun peraduan yang dianjurkan menepati prinsip Syariah. Kriteria-kriteria tersebut adalah seperti perkara berikut:

i. Eksploitasi

- a. Berpandukan pentakrifan Garis Panduan tersebut, unsur eksploitasi boleh berlaku dalam keadaan peserta mengharapkan hadiah lumayan yang ditawarkan manakala pihak penganjur mengambil kesempatan dengan mengenakan caj tertentu dan mengaut keuntungan di atas keghairahan orang ramai yang menyertainya. Perbuatan tersebut adalah suatu bentuk eksploitasi yang tidak diharuskan oleh Islam.

ii. Kesamaran

- a. Dalam konteks peraduan kontemporari ini, penganjur mengenakan caj bayaran dalam pelbagai istilah seperti wang pertaruhan, wang penyertaan, yuran pertandingan dan sebagainya. Selain itu, penganjur juga menyediakan syarat peraduan yang kurang telus, serta mengelirukan. Kesamaran yang berlaku dalam peraduan seumpama ini boleh menyebabkan orang ramai terlibat dalam perbuatan perjudian tanpa mereka sedari.

iii. Pertaruhan

- a. Menurut Garis Panduan Peraduan Berasaskan Hadiah, ahli-ahli Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan telah bersetuju untuk memperakukan dalam konteks peraduan, unsur perjudian yang terdapat di dalamnya adalah kerana ia mengandungi unsur pertaruhan, setiap peserta akan dikenakan caj bayaran melalui pelbagai istilah yang mengabui mata peserta sebagai syarat untuk menyertai peraduan tersebut. Bayaran inilah yang dinamakan pertaruhan.

iv. Nasib

- a. Dalam konteks peraduan berasaskan hadiah, ada segelintir penganjur peraduan meletakkan kaedah penentuan pemenang melalui kriteria peserta yang berjaya menjawab soalan dengan tepat dan paling pantas. Kaedah pemilihan pemenang seumpama ini adalah tidak patuh syariah kerana peserta yang menjawab soalan dengan tepat masih tidak ada jaminan untuk dipilih sebagai pemenang kerana terpaksa bergantung kepada nasib semata-mata untuk menjadi peserta yang terpantas menjawab soalan.

v. Pembaziran

- a. Dalam konteks peraduan berasaskan hadiah, ramai peserta menghabiskan wang mereka semata-mata untuk meraih hadiah yang ditawarkan. Walau bagaimanapun sebilangan kecil sahaja peserta yang akan memperolehi hadiah, manakala sebahagian besar lagi akan mengalami kerugian serta kehilangan wang dalam pertaruhan. Mereka telah membazirkan masa, wang dan tenaga semata-mata untuk mendapatkan hadiah yang belum pasti diperolehi.

PANDUAN KEPADA PESERTA YANG MAHU MENYERTAI SEBARANG PERADUAN YANG MENAWARKAN HADIAH

Isu ini amatlah kritikal untuk difahami oleh masyarakat sebelum membuat keputusan menyertai mana-mana peraduan dalam pasaran. Perkara ini amat penting untuk mengelakkan umat Islam khususnya daripada terjebak dalam kancah judi moden hari ini. Antara perkara utama tersebut adalah seperti berikut:

i. Bentuk dan operasi peraduan

- a. Adalah sangat dibimbangi, dek kerana dibayangi dengan hadiah lumayan seperti ditawarkan oleh penganjur, masyarakat mengeneipkan langsung keperluan untuk memahami bentuk dan operasi yang dijalankan oleh mana-mana penganjur. Perkara ini akan bertambah rumit apabila peraduan tersebut memerlukan peserta atau pelanggan membuat bayaran atas pelbagai nama dan istilah samada yuran pendaftaran, kos pengurusan dan sebagainya.

ii. Terma dan syarat peraduan dengan jelas

- a. Isu ini juga sentiasa membawa eksploitasi kepada masyarakat ekoran daripada keengganan masyarakat untuk membuat kajian dan *homework* secara terperinci tentang terma dan syarat peraduan yang dijalankan.

iii. Membuat rujukan kepada pihak berautoriti

- a. Antara langkah awal yang boleh diambil oleh masyarakat daripada melibatkan dengan perkara yang bercanggah dengan prinsip teras Islam adalah dengan membuat rujukan awal kepada pihak berwajib dalam negara. Dalam isu berkaitan hukum, masyarakat boleh merujuk terus kepada institusi agama contohnya Jakim, Jabatan Mufti Negeri-Negeri dan Jabatan Agama Islam Negeri. Daripada aspek perundangan pula, masyarakat perlu merujuk kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) dan pihak-pihak lain yang berkaitan.

PANDUAN KEPADA PENGANJUR YANG HENDAK MENJALANKAN SEBARANG PERADUAN YANG BERASASKAN HADIAH

Sebelum menganjurkan peraduan yang menawarkan sebarang bentuk hadiah, seluruh penganjur perlulah membuat beberapa penyesuaian bagi memastikan peraduan yang hendak dianjurkan menepati prinsip syariah. Dalam hal ini, ahli-ahli Muzakarah Jawatankusa Fatwa Kebangsaan telah memberikan panduan dalam hal-hal berkaitan seperti berikut:

i. Yuran Pendaftaran dan Caj Tambahan

- a. Penganjur tidak boleh mengenakan apa-apa caj atau yuran kepada peserta sebagai bayaran pendaftaran untuk menyertai peraduan yang dianjurkan bagi mengelakkan wujudnya unsur-unsur perjudian dan pertaruhan.
- b. Tiada sebarang caj tambahan boleh dikenakan kepada peserta peraduan contohnya caj ke atas setiap set soalan peraduan dan seumpamanya.
- c. Jika peraduan dianjurkan melalui telefon dan seumpamanya, pihak penganjur tidak boleh menaikkan caj perbualan telefon dan SMS daripada caj semasa bagi mengelakkan wujudnya unsur perjudian.

ii. Terma dan Syarat yang Jelas

- a. Penganjur mestilah menyatakan tujuan, syarat-syarat penyertaan, ganjaran hadiah, kaedah pemilihan pemenang, tempoh masa dan seumpamanya dengan tepat, jelas dan terperinci di dalam terma dan syarat peraduan.
- b. Sekiranya peraduan tersebut melibatkan penjualan produk dan seumpamanya maka perkara tersebut perlu diperincikan dengan jelas di dalam terma dan syarat.

- c. Terma dan syarat juga mestilah adil, tidak mengandungi unsur penipuan ataupun helah, serta tidak berat sebelah samada di pihak penganjur mahupun pelanggan dan mestilah tidak bercanggah dengan syarak.
- d. Terma dan syarat mestilah dapat diakses sepenuhnya oleh pelanggan dengan jelas samada melalui iklan di media cetak, media elektronik atau seumpamanya.
- e. Terma dan syarat mestilah jelas, mudah difahami serta tidak mengelirukan masyarakat awam.

iii. Promosi dan Iklan

- a. Maklumat penting di dalam terma dan syarat iaitu syarat- syarat penyertaan, bentuk operasi peraduan, ganjaran hadiah, syarat-syarat pemenang dan seumpamanya mestilah dinyatakan sepenuhnya dengan jelas, mudah difahami oleh masyarakat awam.
- b. Jika peraduan tersebut melibatkan sebarang penjualan barangan atau produk, promosi penjualan barangan atau produk tersebut mestilah lebih difokuskan berbanding promosi peraduan.
- c. Iklan-iklan dan promosi di dalam media cetak dan elektronik mestilah;
 - i. menggambarkan sepenuhnya promosi peraduan tersebut;
 - ii. tidak mengandungi unsur-unsur eksploitasi seperti mengeksploitasikan wanita dan seumpamanya sebagai satu daya tarikan; dan
 - iii. tidak mengandungi unsur-unsur provokasi, paksaan serta mengelirukan peserta.

iv. Sistem Peraduan yang Jelas

a. Matlamat Peraduan

- i. Peraduan yang dianjurkan mestilah mempunyai matlamat yang bermanfaat, membina daya intelektual, memupuk sikap positif dan seumpamanya.
- ii. Tidak dijadikan sebagai helah untuk mengaut keuntungan yang berlipat ganda.
- iii. Tidak melalaikan sehingga menyebabkan peserta meninggalkan kewajipan seharian.

v. Bentuk Soalan Peraduan

- a. Soalan- soalan peraduan mestilah;
 - i. bermanfaat, ilmiah dan benar- benar menguji kepintaran;
 - ii. tidak tertumpu kepada perkara- perkara yang tidak membina minda serta melalaikan;
 - iii. tidak mengelirukan; dan
 - iv. tidak bercanggah dengan syariat Islam

vi. Kaedah Pemilihan Pemenang

- a. Setiap penyertaan peserta mestilah disemak dan dihakimi dengan adil, telus, amanah dan tidak berat sebelah.
- b. Pemenang peraduan tidak boleh ditentukan dengan kaedah cabutan rambang (*lucky draw*) yang bersandarkan kepada faktor nasib.
- c. Jika sekiranya terdapat lebih daripada satu penyertaan yang menjawab semua soalan objektif dengan betul dan mempunyai markah/ mata yang sama, maka peserta hendaklah diberi soalan subjektif contohnya menulis cogankata dan seumpamanya. Hakim mestilah mengadili soalan subjektif

tersebut dengan adil sebelum menentukan pemenang peraduan.

vii. Tempoh Masa Peraduan

- b. Jika peraduan tersebut mempunyai sesuatu tempoh had masa penganjuran dan menjawab soalan, maka ia perlulah dimaklumkan kepada peserta sebelum peraduan bermula.

viii. Ganjaran/ Hadiah

- a. Hadiah peraduan disediakan oleh pihak penganjur mestilah daripada sumber yang halal.
- b. Hadiah peraduan tidak boleh diambil daripada kumpulan wang peserta samada melalui yuran penyertaan, caj dan seumpamanya.
- c. Sumber dana hadiah tidak boleh diambil daripada hasil caj perkhidmatan yang dikenakan untuk sms dan seumpamanya.
- d. Hadiah yang disediakan oleh pihak penganjur mestilah bernilai dan bermanfaat.
- e. Hadiah peraduan hendaklah disediakan terlebih dahulu sebelum sesuatu peraduan dijalankan bagi mengelakkan timbulnya sebarang unsur penipuan.
- f. Tempoh penyerahan hadiah kepada peserta mestilah ditetapkan dan dinyatakan di dalam terma dan syarat dengan jelas.

Berpandukan kepada kriteria yang telah dipersetujui oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, bukan setakat elemen judi yang sahaja yang mesti dielakkan oleh penganjur tetapi elemen-elemen lain yang tidak mematuhi syariah juga mesti dielakkan seperti *gharar*, *jahalah* dan *tadlis*.

PENUBUHAN PANEL PEMANTAUAN PERADUAN BERASASKAN HADIAH, PANEL KAJIAN SYARIAH (PSK), JAKIM

Setelah melihat kepada situasi semasa yang telah menyaksikan banyak peraduan dianjurkan oleh pelbagai pihak selain permohonan supaya Jakim membuat semakan kepada struktur dan bentuk peraduan, Jakim mengambil langkah untuk menubuhkan sebuah panel khusus untuk membincangkan isu-isu dan proposal berkaitan peraduan secara eksklusif selain membuat pemantauan terhadap peraduan yang dianjurkan. Dasar ini telah diambil setelah ahli-ahli PKS dalam Mesyuarat PKS Kali ke- 68 yang bersidang pada 12- 15 Oktober 2009 telah sebulat suara bersetuju untuk melantik sebuah Panel Pemantauan Peraduan Berasaskan Hadiah.

Anggota Panel ini adalah terdiri daripada ahli-ahli PKS yang dipilih oleh Mesyuarat PKS dan buat masa ini, Panel ini adalah dipengerusikan oleh YBhg. S.S. Mufti Selangor. Peranan Panel Pemantauan Peraduan Berasaskan Hadiah, Jakim adalah meliputi tugas- tugas berikut;

- i. Membincangkan setiap proposal peraduan berasaskan hadiah yang dikemukakan oleh pelbagai organisasi untuk tujuan pengesahan status hukum;
- ii. Membuat pemantauan ke atas peraduan- peraduan yang berada dalam pasaran berpandukan kepada Garis Panduan Peraduan Berasaskan Hadiah.

Panel ini telah memainkan peranan yang amat baik khususnya memberikan panduan dan nasihat kepada pihak yang telah membuat rujukan kepada Jakim. Dalam proses membuat beberapa keputusan syariah, selain daripada meneliti hujah syariah, Panel akan turut sama melibatkan agensi berwajib contohnya Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk memberikan input khususnya aspek teknikal supaya keputusan yang diputuskan nanti benar-benar telus, komprehensif dan berwibawa.

Selepas beberapa tahun Panel ini menjalankan peranannya, ternyata telah banyak membantu agensi-agensi yang membuat rujukan kepada Jakim berkaitan hal ini khususnya dalam penganjuran peraduan. Adalah perlu difahami, tugas Panel ini tidaklah hanya untuk mengemukakan jawapan samada “haram atau halal” sesuatu peraduan, sebaliknya lebih daripada itu, iaitu memberikan panduan tentang bagaimanakah kaedah yang perlu diambil oleh semua pihak untuk sebelum menyertai juga menganjurkan peraduan.

KESIMPULAN

Sememangnya usaha-usaha untuk memastikan penganjuran peraduan patuh syariah memerlukan sokongan dan peranan semua pihak. Dalam konteks pengguna, para pengguna seharusnya peka dan sensitif dengan isu-isu syariah sebelum menyertai sebarang peraduan. Sudah tentulah pihak pengguna perlu membuat rujukan kepada pihak yang berautoriti dan bertanggungjawab. Dalam pada masa yang sama, pihak penganjur juga berperanan besar untuk memastikan setiap peraduan mahupun pertandingan yang dianjurkan memenuhi kehendak syariah. Semoga dengan tertubuhnya Panel Pemantauan Peraduan Berasaskan Hadiah, Jakim dan juga Garis Panduan Peraduan Berasaskan Hadiah akan berupaya menjawab isu-isu syariah dalam peraduan dengan cara yang praktikal. Dalam pada masa yang sama, komitmen padu dan jitu di setiap peringkat, maka peraduan-peraduan yang dijalankan adalah mematuhi prinsip syariah dan tidaklah bercampur-baur dengan unsur-unsur yang bercanggah dengan prinsip agama.